

16 FEB 2001

Shahrizat-Masyarakat

ROGOL DAN BUNUH PELAJAR: DI MANA SIKAP PRIHATIN MASYARAKAT?

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Sharizat Abdul Jalil berkata kes jenayah rogol dan bunuh dapat dielak dan ditangani sekiranya masyarakat mengamalkan sikap prihatin dan mengambil tahu keadaan sekeliling.

Katanya masyarakat tidak boleh hanya membebankan tanggungjawab itu kepada pihak berkuasa.

"Sikap prihatin masyarakat kian terhakis berbanding masa dulu di mana masyarakat setempat lebih bertanggungjawab, prihatin dan mempunyai perasaan kasih sayang sesama jiran tetangga," katanya kepada Bernama ketika mengulas kes seorang pelajar dipercayai dirogol sebelum dibunuh di Kampung Tersusun, Jalan Bidor Lama, Tapah, Perak semalam.

Mayat Farah Deeba Rustam, 17, pelajar sekolah Menengah Buyung Adil (SMBA), Tapah dijumpai dalam keadaan separuh bogel dalam longkang di kampung berkenaan pada pukul 6 petang semalam dengan kesan tikaman di perut dan lebam di badan.

Shahrizat berkata pelbagai lapisan masyarakat harus menentukan keganasan seperti rogol dan bunuh terutama terhadap wanita tidak menjadi satu "budaya" hidup memandangkan kes seumpama itu semakin berleluasa kini.

Pada 7 Okt tahun lepas, jurutera komputer Noor Suzaily Mukhtar, 24, dibunuh setelah dirogol dan diliwat dalam sebuah bas semasa dalam perjalanan untuk urusan kerja di Klang. Mayatnya ditemui dalam keadaan bogel, dicampakkan di sebuah kawasan projek perumahan di Bukit Tinggi, Klang.

Negara kemudian digemparkan dengan peristiwa seorang kanak-kanak perempuan, Nor Shuhada Borak, 6, ditemui mati dalam tong air di loteng sebuah rumah tiga tingkat di Selayang, 22 Okt tahun lepas.

Kanak-kanak malang itu dipercayai diliwat dan dirogol sebelum dibunuh dengan kejam.

Shahrizat berkata antara faktor masyarakat kini kurang mengambil tahu hal sesama jiran setempat adalah kerana tidak mahu dianggap penyibuk selain sibuk dengan urusan dan tugas masing-masing.

"Kita perlu ambil tahu tapi biarlah bertempat, sikap terbaik ialah mengambil tahu apabila jiran dan masyarakat setempat memerlukan pertolongan seperti dalam kes kemalangan yang mana mangsa dibiarkan tanpa bantuan oleh masyarakat, itu tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Shahrizat berkata: "Tidak guna kita menggubal akta, tidak guna nak tambah hukuman supaya lebih berat...sekiranya masyarakat hari ini tidak mengubah sikap mereka, jenayah akan tetap berlaku."

Beliau berkata penjenayah bebas melakukan jenayah tanpa belas kasihan bukan kerana kepincangan akta atau pihak berkuasa tidak cekap melaksanakan tugas tetapi kerana mereka tidak takut dengan Tuhan.

Katanya beliau berasa jijik dan kesal dengan tragedi yang menimpa pelajar perempuan terbabit dan menyeru orang ramai supaya membantu pihak berkuasa dalam menyelesaikan kes itu.

Beliau berkata kementerian akan meminta polis meningkatkan pemantauan dan menyelesaikan segera kes dengan menghadapkan orang yang bersalah ke muka pengadilan.

Dalam perkembangan lain mengenai nama baru kementerian, Shahrizat berkata ia secara langsung akan memperlihatkan kementerian itu lebih komprehensif terhadap pembangunan keluarga, dan tidak hanya tertumpu mengenai wanita.

"Ia secara terus melibatkan kaum bapa kerana mereka ini merupakan kaum yang bertanggungjawab dalam sesuatu keluarga jadi mereka juga harus terlibat untuk memastikan kementerian baru itu lebih komprehensif," katanya.

Pada 17 Jan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan Shahrizat sebagai menteri bagi Kementerian Hal Ehwal Wanita yang baru ditubuhkan itu.

Kenyataan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, hari ini mengumumkan pertukaran nama bagi kementerian itu kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, yang turut bertanggungjawab terhadap Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

-- BERNAMA

ZAI HS AKD